

25/02/2001

Osu enggan ulas kenyataan PM

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada sebab tersendiri apabila mengeluarkan kenyataan mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang boleh menyebabkan wujudnya Ketua Menteri 'itik tempang' (lame duck).

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata, kenyataan Perdana Menteri itu dibuat selepas beliau membuat kajian dan mempunyai alasan tertentu (untuk mengatakan sistem berkenaan menyebabkan masalah timbul dalam pentadbiran Ketua Menteri Sabah).

"Sebagai Ketua Menteri masa kini, lebih baik saya tidak memberi komen mengenai kenyataan PM berkenaan. Apapun yang saya cakap, penduduk negeri ini akan melihatnya dari pandangan yang berbeza, jadi lebih baik saya tidak bercakap apa-apa," katanya, apabila ditanya pemberita adakah beliau terkejut dengan kenyataan berkenaan.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri di Kuala Lumpur baru-baru ini yang mengatakan sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah (yang diperkenalkan sejak 1994) menyebabkan wujudnya Ketua Menteri 'itik tempang'.

"Perdana Menteri membuat sesuatu keputusan atau kenyataan untuk kebaikan rakyat dan negara secara keseluruhannya, sehinggakan beliau terus dikritik kerana memberi pertimbangan kepada perasaan dan kepentingan rakyat jelata dan membelakangkan komuniti atau bangsa tertentu dalam mengambil keputusan.

"Itulah yang menjadikan negara ini maju dan dihormati antarabangsa," katanya.

Mengenai komen pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah mengenai penggiliran Ketua Menteri, Osu yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah berkata, semua pemimpin BN sudah diberi peluang untuk menyatakan pandangan mengenainya kepada Perdana Menteri.

"Saya ingat itu adalah saluran terbaik dan terserah kepada Dr Mahathir sebagai Pengerusi BN Pusat untuk melihat komen daripada pemimpin terbabit yang membolehkan beliau membuat keputusan yang akan diterima pakai semua pihak," katanya.

Osu berkata, pihaknya tidak menjangkakan pemimpin terbabit akan mengemukakan pandangan yang sama, terserah kepada PM untuk membuat keputusan berdasarkan pandangan sembilan parti komponen BN di Sabah.

(END)